



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

MYDIN SUMBANG RM 100,000 RIBU UNTUK BANTU KUMPULAN SASAR KPWKM

Subang Jaya, 1 April - YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita Keluarga Dan Masyarakat hari ini telah merasmikan Kempen MYDIN Prihatin Girang Syawal Tiba bersempena Ramadan dan Syawal pada tahun ini. Kempen MYDIN Prihatin ini menyasarkan kutipan sebanyak RM 100,000 ribu yang akan memberi manfaat kepada lebih 1,000 orang penerima.

Sepanjang kempen MYDIN Prihatin ini, sumbangan yang berbentuk barangan makanan dan kelengkapan baju raya akan disalurkan kepada golongan sasaran antaranya rumah-rumah kebajikan, golongan asnaf dan golongan B40 bagi meringankan beban mereka yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Pelbagai kerjasama strategik telah dijalinan antara Kementerian dan syarikat-syarikat korporat. Kerjasama ini amat penting untuk Kerajaan menjayakan program-program berkonsepkan Perkongsian Nilai Korporat atau *Corporate Shared Value* (CSV) bagi memastikan bantuan kepada kumpulan sasaran dapat dilaksanakan secara lebih berkesan.” ujar YB Datuk Seri Rina.

Bagi memastikan sumbangan dan bantuan dapat disalurkan secara konsisten, MYDIN juga turut melancarkan Food Bank MYDIN Prihatin yang ditempatkan di 27 pasar raya MYDIN terpilih di seluruh negara. Inisiatif ini akan bermula pada bulan April bagi memberi peluang kepada orang ramai memberi sumbangan untuk disalurkan ke rumah-rumah kebajikan yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Kementerian berharap agar inisiatif sebegini dapat diteruskan dan menyeru sokongan pihak korporat untuk terus menyokong usaha-usaha murni seperti ini.

###

Disediakan oleh	Unit Komunikasi Korporat (UKK) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)
No.Telefon	03-8323 1088
Tarikh dikeluarkan	1 April 2021